

# Tun Mahathir beri Anwar 7 hari tarik balik kenyataan

Bekas PM minta tuduhan kumpul kekayaan ditunjukkan bukti jelas

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad memberi tempoh tujuh hari kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya menarik semula kenyataan fitnah dibuat pada Kongres Nasional Khas PKR 2023, baru-baru ini.

Bekas Perdana Menteri berkata, notis tuntutan itu sudah diserahkan menerusi Tetuan Rafique melalui serahan tangan ke Pejabat Perdana Menteri, kelmarin.

Beliau berkata, biarpun Anwar tidak menyebut namanya tetapi berdasarkan laporan media, orang ramai faham tuduhan itu dilemparkan kepada dirinya.

"Tuduhan dilempar terhadap diri saya iaitu saya ada berbilion ringgit dan agih untuk keluarga saya, anak saya dan sebagainya dan saya adalah seorang 'scound-

drel' (orang yang jahat).

"Ini memberi gambaran yang amat buruk terhadap diri saya, ia adalah satu fitnah, melainkan dia boleh tunjuk bukti bahawa saya sudah dapat berbilion ringgit dan melarikan duit itu ke luar negara dan saya tidak bayar cukai.

"Banyak tuduhan dibuat dalam ucapan ini, walaupun saya dulu, biasa dengar dia kata lebih kurang macam ini, tapi waktu itu dia bukan (Perdana Menteri), sekarang dia Perdana Menteri dan Perdana Menteri mesti bertanggungjawab, tidak boleh membuat tuduhan dengan begitu saja tanpa bukti jelas," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, beliau membuat keputusan supaya Anwar menarik balik fitnah yang dilemparkan itu atau menunjukkan bukti dan jika tidak dijawab maka tindakan undang-undang akan diambil.

"Ucapan itu juga dilapor media dan sosial media dan nama saya digunakan, jelas sekali ucapannya adalah satu fitnah terhadap diri saya dan bukan orang lain, kerana sayalah orangnya yang berkuasa selama 22 tahun campur 22 bulan, jadi Perdana Menteri Ke-4 dan Ke-7.

"Tujuannya untuk memburukkan nama saya dengan tuduhan tidak berasas, sebab itu saya min-



Dr Mahathir pada sidang media di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

ta untuk tarik balik dan tunjuk bukti," katanya.

Beliau juga mendakwa kenyataan dibuat Anwar itu sehari sebelum orang Melayu merancang untuk melancarkan proklamasi Melayu.

"Jadi jelas bahawa dia cuba menghalang proklamasi ini dan tidak dapat lancar proklamasi ini kerana dihalang oleh pihak berkuasa.

"Proklamasi ini bukan berbau perkauman, tidak menuduh kaum lain berkenaan apa yang terjadi kepada orang Melayu, sebaliknya kita tuduh pemimpin Melayu sendiri yang menyebabkan orang Melayu menghadapi banyak masa-

lah," katanya.

Selain itu, Dr Mahathir Mohamad menegaskan pandangan pakar ekonomi, Jomo Kwane Sundaram supaya beliau meninggalkan politik adalah pendapat peribadi yang tidak semestinya perlu dituruti.

"Itu pendapat Jomo, tidak semestinya saya ikut pendapat dia...tapi berlaku ini (desakan) bukan kerana saya terbabit tetapi kerana Datuk Seri Anwar sebut kesalahan saya. Tidak ada kena mengena sama ada saya aktif dalam politik atau pun tidak.

"Berpolitik demi negara, orang datang minta tolong takkan saya hendak kata, maaf, tidak boleh tolong pasal saya hendak rehat, saya ada pendapat dan ada pandangan.

"Bila orang minta supaya saya beri pendapat, saya sedia beri pendapat," katanya kelmarin.

Dr Mahathir juga berkata, semua ketua negara menyambutnya dalam lawatan rasmi ketika menjadi Perdana Menteri.

Bekas Perdana Menteri itu bagaimanapun tidak pasti mengapa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim gagal mengadakan pertemuan dengan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al Saud dan Putera Mahkota Arab Saudi, Mohammed Salman dalam lawatan rasmi ke negara itu.

"Ya, Ini lawatan rasmi, saya semasa jadi Perdana Menteri membuat lawatan rasmi di banyak negara, tidak ada satu negara pun yang tidak sambut saya, (malah) disambut oleh ketua negara.

"Saya pun tidak tahu kenapa Raja Arab Saudi dan Putera Mohammed tidak mahu jumpa Anwar tapi mereka mungkin mempunyai satu pandangan yang kita tidak tahu yang menyebabkan mereka tidak ingin berjumpa Anwar bila dia pergi ke sana yang berjumpa Anwar pun pegawai rendah," katanya.